# Wakil PAS sertai persidangan anti rasuah PBB di Panama

NOV 27, 2013 | HARAKAHDAILY



**Datuk Kamarudin (tengah) bersama Menteri JPM Datuk Paul Low dan Ketua Pesuruhjaya SPRM Tan Sri Abu Kassim.**

**PANAMA CITY:** PAS turut menyertai Persidangan Anti Rasuah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNCAC) di Panama City, yang bersidang untuk tahun ketujuh tahun ini bermula 25 hingga 29 November ini.

Datuk Kamarudin Jaffar (PAS-Tumpat) yang hadir selaku wakil Parlimen Malaysia turut menjadi salah seorang ahli panel pada sesi anjuran Global Organisation of Parliamentarians Against Corruption (GOPAC) di sidang ini.

Selain beliau, turut serta sebagai wakil parlimen Malaysia adalah Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paul Low Seng Kuan dan juga dari pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang diketuai ketua pesuruhjayanya, Tan Sri Abu Kassim Mohamed.

Pada persidangan itu juga turut menyaksikan Abu Kassim dilantik sebagai Naib Presiden International Association of Anti-Corruption Authorities (IAACA).

IAACA telah ditubuhkan pada satu mesyuarat khas yang diadakan di Pejabat United Nations di Vienna pada 19-20 April 2006.

Abu Kassim mula dilantik sebagai seorang Ahli Eksekutif IAACA pada tahun 2010.

Malaysia merupakan salah sebuah negara yang menjadi ahli pengasas IAACA den… …jektif menggalak dan menyokong pelaksanaan UNCAC (United Nations Conventions Against Corruption) secara lebih berkesan.

Ia sehingga kini mempunyai lebih dari 300 keahlian yang merangkumi agensi dan organisasi pihak berkuasa anti pencegahan rasuah di dunia.

Send Tweet 0 +1 0 my Share Share

Like Be the first of your friends to like this.

Add a comment...

Comment

Facebook social plugin

Copyright © 2013 Harakah. All Rights Reserved. Designed by Harakah IT
Paparan terbaik menggunakan Mozilla Firefox atau Chrome |sitemap